

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (J) 11-2015

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 7 Disember 1984. Aktiviti utama Perayu ialah menjalankan perniagaan mengilang “*various plastic injection moulded products*” seperti “*automotive component part, electrical component part, household product, stationary product and others*”.
2. Pengarah Kastam Negeri, Kedah telah mengeluarkan Bil Tuntutan bertarikh 22 Mac 2015 di bawah seksyen 30 Akta Cukai Jualan 1972 menuntut Perayu membayar cukai jualan sebanyak RM1,246,814.25 dan penalti sehingga 28 Februari 2015 sebanyak RM549,353.89. Tuntutan ini dibuat kerana Perayu gagal membayar cukai jualan sebagaimana kehendak seksyen 22 Akta Cukai Jualan 1972.
3. Pada 4 April 2015 Perayu telah mengemukakan rayuan kepada Pengarah Kastam Negeri, Kedah mengenai Bil Tuntutan bertarikh 22 Mac 2015. Perayu memohon supaya dikenakan 10% cukai jualan ke atas nilai upah sahaja memandangkan bahan-bahan mentah adalah milik atau dibekalkan oleh pelanggan. Perayu juga memohon supaya dimansuhkan tuntutan penalti serta dibenarkan membuat bayaran secara ansuran dalam tempoh 36 bulan. Mengikut Perayu, cukai jualan yang dituntut adalah berdasarkan jumlah hantaran barang kepada pelanggan utamanya iaitu syarikat Tatt Li Trading Sdn. Bhd. Perayu memaklumkan pihaknya tidak pernah mengenakan cukai jualan 10% sepanjang urus niaga dijalankan dan dalam bil hantaran tidak ada dinyatakan cukai jualan 10%. Syarikat Tatt Li Trading Sdn. Bhd. telah membekal kesemua bahan mentah, *mould* dan bahan bungkusan. Perayu hanya mengenakan caj perkhidmatan mesin sahaja. Cukai jualan juga tidak diambil kira dalam sebut

harga kepada pelanggan. Perayu menganggap cara operasinya adalah betul kerana kesemua produk yang terbabit bukan hak milik Perayu dari segi “*trade mark*” dan “*mould*”.

4. Pada 1 Jun 2015 Pengarah Kastam Negeri, Kedah telah menolak permohonan Perayu untuk membayar cukai jualan atas nilai upah (10% daripada nilai jualan) iaitu sebanyak RM222,681.94 dan memansuhkan penalti RM549,353.89. Pengarah Kastam Negeri, Kedah memutuskan bayaran ansuran dibenarkan untuk tempoh maksimum 18 bulan.
5. Pada 1 September 2015 Perayu telah memaklumkan kepada Cawangan Audit, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Sungai Petani, Kedah bahawa Perayu tidak mampu untuk membayar tuntutan berjumlah RM1,796,168.14.
6. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Pengarah Kastam Negeri, Kedah bertarikh 1 Jun 2015 dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 11 September 2015. Dalam Notis Rayuan, Perayu memohon remedi supaya dikenakan cukai jualan ke atas nilai upah sahaja untuk tempoh bermula Februari 2012 hingga Januari 2015 serta melupuskan penalti sebanyak RM549,353.89.

ISU

1. Sama ada Bil Tuntutan yang dikeluarkan atas nama Pengarah Kastam Negeri, Kedah adalah keputusan Ketua Pengarah Kastam bagi maksud pemfailan rayuan di bawah seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972.
2. Perayu belum menjelaskan bayaran cukai jualan dan penalti sebagaimana yang dituntut dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Mac 2015 selaras dengan peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007.

3. Sama ada rayuan ini merupakan permohonan remisi di bawah seksyen 33 Akta Cukai Jualan 1972 yang memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mempertimbangkannya atau Tribunal ada bidang kuasa mendengar rayuan ini berdasarkan fakta dan undang-undang.

(Pada tarikh sebutan pertama, Responden telah berhujah bahawa keputusan JKDM yang dirayu adalah keputusan Pengarah Kastam Negeri, Kedah dan Perayu sepatutnya perolehi keputusan Ketua Pengarah Kastam selaras dengan peruntukan seksyen 68(2) Akta Cukai Jualan 1972. Responden juga berhujah bahawa Perayu belum menjelaskan bayaran cukai jualan dan penalti sebagaimana yang dituntut dalam Bil Tuntutan bertarikh 22 Mac 2015 selaras dengan peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007. Melalui surat bertarikh 13 November 2015 Perayu telah memohon untuk menarik balik rayuan dan akan mengemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam dan seterusnya sekiranya perlu membuat rayuan kepada kepada Menteri Kewangan Malaysia)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

22 Disember 2015